

Rakyat tetap tolak sandiwara Pas

KUALA TERENGGANU, Sela-
sa — Datuk Seri Dr Mahathir
Mohamad yakin Pas terus tidak
akan diterima oleh rakyat kera-
na parti itu sering mengguna-
kan isu agama bagi memancing
undi dalam pilihanraya.

Perdana Menteri berkata, da-
lam pilihanraya kecil di Pantai
Merdeka baru-baru ini, Pas
juga sanggup mengambil baha-
gian dalam majlis ceramah
yang dianjurkan oleh DAP.

"Di manakah letaknya pendi-
rian Pas yang selama ini ber-
juang untuk mewujudkan se-
buah negara Islam sedangkan
ideologi mereka bertentangan
dengan DAP.

"Berdasarkan tindakan itu,
rakyat boleh membuat pertim-
bangan siapa yang jujur dan
akan menolak mereka yang
menggunakan isu agama bagi
memancing undi," katanya.

Bercakap kepada pemberita
selepas mengadakan pertem-
uan dengan pergerakan Pe-
muda Umno Negeri di Wisma
Darul Iman petang ini, Datuk
Seri Dr Mahathir berkata, pa-
katan Pas-DAP tidak akan dite-
rima oleh rakyat kerana wujud-
nya pertentangan ideologi yang
nyata.

Sebagai contoh, Pas ingin me-
wujudkan sebuah negara Islam
sedangkan DAP inginkan sekul-
lar dan dalam pilihanraya kecil
Pantai Merdeka mereka cuba
berpakat.

Mengenai lawatan ke Te-
rengganu, Datuk Seri Dr Ma-
hathir berkata, ia dirancang
oleh Majlis Tertinggi Umno su-
paya beliau dan Timbalan Pre-
siden Umno, Encik Ghafar
Baba berjumpa dengan Perge-
rakan Pemuda Umno di seluruh
negara.

Tujuan perjumpaan itu un-
tuk menerangkan perjuangan
parti supaya pemuda mendapat
kefahaman mendalam dan
membolehkan mengatur pelba-
gai langkah menghadapi pilli-
hanraya umum akan datang,"
katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir ber-
kata, lawatannya kali ini tiada
kaitan dengan masalah dala-
man tetapi lebih untuk menyed-
arkan ahli Umno.